



TAZKIRAH MESYUARAT SENAT

30 OGOS 2022

TAJUK: HAKIKAT KEMERDEKAAN

innovative • entrepreneurial • global



UTM JOHOR BAHRU

Pendahuluan

- Sekali lagi kita bersyukur dengan nikmat kebebasan dan kemerdekaan yang kita nikmati selama ini
- Sambutan kemerdekaan yang disambut saban tahun adalah untuk menyedarkan generasi baru terhadap perjuangan menuntut kemerdekaan

Hakikat Kemerdekaan

- Dalam Islam, kemerdekaan bukan hanya kemenangan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah semata-mata. Sebaliknya, ia juga merangkumi membebaskan cara hidup dari dibelenggu pemikiran, serta perilaku yang menyimpang dan mengundang kemurkaan Allah.
- Kemerdekaan dalam Islam juga bererti membebaskan diri dari mengikut telunjuk jahat hawa nafsu dan godaan syaitan, lalu patuh sepenuhnya apa yang diperintahkan Allah dan meninggalkan laranganNya

- Sejarah Nabi Muhammad S.A.W dalam pembukaan Kota Mekah pada 8 hijrah menunjukkan bermulanya kemerdekaan warganya dari kegelapan jahiliyah kepada hidup dengan aturan Islam.
- Antara ucapan Rasulullah setelah se pertimana yang direkodkan dalam Rahiq Makhtum:

"Wahai orang-orang Quraisy! sesungguhnya Allah telah pun melenyapkan dari kamu kesombongan jahiliah, sikap bermegahan dengan baka keturunan. Semua manusia sebenarnya adalah berasal daripada Adam dan Adam berasal daripada tanah".

- Kemudian Baginda membaca ayat al-Quran:

بِآيَهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنْشَأْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)

(al-Hujurat, 13)

Kemudian baginda bersabda, maksudnya: "Wahai orang-orang Quraisy! Apakah yang kamu fikirkan akan ku lakukan terhadap kamu semua?"

Jawab mereka: "Tentulah baik, kerana engkau seorang saudara yang mulia dan anak kepada saudara yang mulia."

Maka jawab Rasulullah SAW: "Sesungguhnya aku berkata kepada kamu seperti mana Yusuf telah berkata kepada saudara-saudaranya: ﴿لَا تُشْرِيبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ﴾ " Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu).

Ayuh beredarlah. Kamu semua bebas."

- Peristiwa ini menunjukkan Islam tidak menakluk, tetapi membebaskan manusia daripada cengkaman kezaliman manusia lain

Rib'i ibn 'Amir ketika bertemu panglima tentera Parsi bernama Rustum mengungkapkan kalimah yang bermaksud:

"Allah mengutuskan kami (orang-orang Islam) untuk kami merdekakan manusia, daripada mengabdikan diri sesama manusia kepada mengabdikan diri kepada Allah, daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam dan daripada kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat."

Pendeta Za'ba pernah menyebut, "Kemerdekaan adalah perubahan daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan; daripada i'tiqad-i'tiqad yang serong dan terpesong kepada i'tiqad yang subur dan merdeka; daripada fikiran-fikiran yang menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan.."

Malik Bennabi - perjuangan membebaskan tanah air harus segera disusuli dengan perjuangan memerdekaakan minda; apalah erti kemerdekaan bumi pertiwi, jika rakyat peribuminya masih tetap berminda anak jajahan; membangkitkan jiwa merdeka adalah agenda terpenting yang tidak boleh dikompromikan.

Maka, Jelaslah di sini, kemerdekaan yang hakiki bukan sekadar membebaskan fizikal manusia, tetapi ia juga bermaksud membebaskan rohani dan mental mereka dari belenggu kejahilan dan kekufuran kepada kehidupan berlandaskan panduan wahyu ilahi.

Umat yang bebas dan merdeka, dapat berfikir dengan bebas apa yang baik untuk diri, bangsa atau kepentingan umat seluruhnya.

Justeru, panduan daripada Allah sebagai sang Pencipta seluruh manusia ini wajib dijadikan panduan bagi merealisasikan kemerdekaan sebenar, dalam erti kata lain yang dikatakan bebas berfikir, jiwa dan minda yang merdeka itu perlu dalam kerangka petunjuk wahyu Allah

Islam datang untuk diterapkan secara menyeluruh, membebaskan manusia daripada kekufuran kepada akidah Islam, membebaskan manusia daripada sistem jahiliah kepada sistem Islam.

Kemerdekaan sebenar adalah kemerdekaan jiwa dan minda. Tanpanya, kemerdekaan fizikal tidak cukup bermakna. Maka, cabaran utama umat Islam setelah mencapai kemerdekaan fizikal adalah membina jiwa dan minda merdeka, yang merdeka daripada pengaruh pemikiran penjajah versi mana pun, Barat atau Timur, atau ideologi manusia, sama ada Kapitalis atau Sosialis dan sebagainya.

Pejajahan secara fizikal mungkin telah tiada atau berkurangan dalam dunia moden hari ini. Yang pasti berterusan ialah penjajahan dalam bentuk minda dan pemikiran atau Ghuzwatul fikr. Ghuzwatul fikr inilah yang berjaya menerobos masuk dalam pelbagai bentuk dan rupa disebabkan adanya globalisasi serta dunia tanpa sempadan. Bahaya Ghuzwatul fikr inilah yang biasanya dijadikan medium untuk mengawal kuasa ekonomi, sosial dan mungkin juga politik sesebuah negara.

Justeru, kebebasan dan kemerdekaan seharusnya disyukuri dan dipertahankan sampai bila-bila. Kemerdekaan juga perlu diperteguhkan dengan ikatan iman, selain kesatuan sesama umat Islam agar tidak mudah diganggu gugat oleh musuh Islam. Sebagai warga negara, kecintaan kepada negara perlu dibuktikan dengan usaha yang berterusan dalam membangunkan negara selari dengan syariat Islam.

Kepada warga akademia, marilah kita menghayati kemerdekaan ini dengan penuh kesyukuran, keinsafan dan marilah kita menterjemahkan kebebasan jiwa dan minda tersebut dalam apa jua bidang kepakaran masing-masing dalam acuan keimanan kepada Allah dan Rasul demi kemaslahatan agama, bangsa dan negara Malaysia yang dicintai ini.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TERIMA KASIH



utm.my



[univteknologimalaysia](https://www.facebook.com/univteknologimalaysia)



[@utmofficial](https://www.instagram.com/utmofficial)

Kerana Tuhan untuk Manusia

